

Penyelidikan

**SIYĀSAH AL-QĀDĪ DALAM PENTADBIRAN KEHAKIMAN: PERBANDINGAN ANTARA PERBAHASAN FIQH DAN AMALAN SEMASA DI MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA**

Zubaidi Sulaiman \*

Ahmad Hidayat Buang \*\*

\* Calon PhD, Jabatan Syariah & Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

\*\*Profesor, Jabatan Syariah & Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

Abstrak

*Siyāsah al-qāḍī* dalam genre fiqh klasik dibincangkan di bawah perbahasan *adāb al-qāḍī*. Dalam menjalankan urusan pentadbiran mahkamah, hakim atau institusi kehakiman berperanan untuk mengambil apa-apa tindakan berbentuk *maṣlaḥah* berasaskan *siyāsah shar'iyah* bagi memastikan keadilan benar-benar dapat ditegakkan. Sebelum adanya Arahan Amalan Mahkamah Syariah, para hakim dalam menjalankan prosiding kehakiman hanya merujuk kepada *adāb al-qāḍī* yang digariskan dalam kitab-kitab fiqh hingga mewujudkan polisi dan amalan yang tidak seragam. Artikel ini bertujuan untuk membincangkan beberapa aspek *siyāsah al-qāḍī* dalam perbahasan fiqh seperti etika hakim, infrastruktur mahkamah, kebajikan hakim dan prosiding perbicaraan serta membandingkannya dengan amalan yang berlaku dalam pentadbiran kehakiman di Mahkamah Syariah masa kini. Metodologi yang digunakan adalah berbentuk kepustakaan iaitu bersumberkan buku ilmiah, fakta-fakta dan dokumen berautoriti seperti Arahan

Amalan Mahkamah Syariah. Kajian ini mendapati kebanyakan prinsip *siyāsah al-qāḍī* yang dibahaskan dalam kitab-kitab fiqh telahpun diamalkan di Mahkamah Syariah, namun terdapat beberapa perkara yang tidak dilaksanakan kerana ianya sudah tidak praktikal untuk diamalkan dengan realiti dan keperluan semasa. Kajian ini diharapkan menjadi panduan kepada para hakim dan pihak pengurusan tertinggi mahkamah dalam penambahbaikan polisi dan perekayasaan amalan pentadbiran dan prosiding kehakiman Mahkamah Syariah di Malaysia.

**Kata Kunci:** *Siyāsah al-qāḍī*, Mahkamah Syariah, Arahan Amalan

RESEARCH

***SIYĀSAH AL-QĀDĪ IN JUDICIAL ADMINISTRATION: A COMPARISON BETWEEN  
FIQH DEBATE AND CURRENT PRACTICE IN THE SYARIAH COURTS IN MALAYSIA***

*Farah Sulaiman\**

*PhD Candidate, Department of Sharia & Law, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia*

*\*\*Professor, Department of Sharia & Law, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia*

**Abstract**

Siyāсах al-qāḍī in the genre of classical fiqh is discussed under the adāb al-qāḍī debate. In carrying out the administration of the court, the judge or judicial institution has a role to take any action in the form of maṣlahah based on siyāсах shar'iyah to ensure that justice can be truly upheld. Prior to the Syariah Court Practice Directions, judges in conducting judicial proceedings only referred to the adāb al-qāḍī outlined in the books of fiqh to create non-uniform policies and practices. This article aims to discuss selected aspects of siyāсах al-qāḍī in the debate of fiqh scholars such as the ethics of judges, court infrastructure, welfare of judges and trial proceedings as well as to compare it with the current practice in judicial proceedings of the Syariah Court nowadays. The methodology used is in the form of a library research which sourced from scholarly books, facts and authoritative documents such as the Syariah Court Practice Directions. It is found that most of the siyāсах al-qāḍī principles discussed in the books of fiqh have been practised in the Syariah Court, however there are few things that are not being executed as it is no longer practical to be practised in realities and current needs. This study may serve as a guideline for judges and court highest management for enhancement of policy and administrative practices, and judicial proceedings of the Syariah Courts in Malaysia.

**Keywords:** Siyāсах al-qāḍī, Syariah Court, Practice Directions

## PENGENALAN

Dalam struktur pemerintahan Islam, khalifah merupakan ketua agama dan negara. Khalifah pada asalnya menjalankan tugas secara komprehensif bagi semua tugas agama dan negara termasuklah *al-qaḍā'* (kehakiman) (al-Māwardī, 2006: 15, Ibn Khaldūn, 1998: 189). Menurut al-Nawawī (t.t: 8:108), khalifah atau pemerintah wajib melantik hakim-hakim bagi menggantikannya dalam urusan kehakiman untuk menyelesaikan pertikaian antara manusia (Nāṣir Muḥammad, 1998: 59) kerana khalifah atau pemerintah tertinggi sibuk dengan urusan *siyāsah* pentadbiran negara yang memerlukan lebih penumpuan ('Abd al-Karīm Zaydān, 1998: 14). Para hakim yang menjalankan tugas mendapat kuasa kerana berlaku 'delegation of power' yang diberikan kepada mereka (Abdul Monir, 2015: 19). Tegasnya *al-qaḍā'* merupakan suatu tugas *siyāsah* dan bukannya tugas agama serta merupakan urusan *maṣlaḥah* manusia ('Abd al-Nāṣir Mūsā, 2000: 115-118). *Siyāsah* secara umumnya meliputi pelaksanaan hukum syariah. Manakala *siyāsah* yang melibatkan aktiviti dalam mahkamah dikira sebagai *siyāsah* yang lebih khusus, contohnya hukuman yang bertujuan menimbulkan rasa gerun dan dapat menghindarkan seseorang daripada melakukan jenayah seperti hukuman bunuh (Ibn 'Ābidīn, 2003, 8: 20).

Perbahasan mengenai pelaksanaan *siyāsah* sebagai satu mekanisme *al-qaḍā'* telah dilakukan oleh sarjana-sarjana Islam seperti al-Ṭarābulisi, seorang ulama Hanafi dalam buku beliau *Mu'īn al-Ḥukkām fī mā Yataraddad baina al-Khasmāin min al-Aḥkām*, juga Ibn Farhūn dalam bukunya *Tabṣīrah al-Ḥukkām fī Usūl al-Aqḍīyyah wa Manāhil al-Aḥkām*, di bawah tajuk: *al-Qaḍā' bi al-Siyāsah al-Shar'īyyah*. Selain itu, Ibn al-Qayyim, seorang ulama Hanbali dalam bukunya *al-Ṭuruq al-Ḥukmiyyah fī al-Siyāsah al-Shar'īyyah* membentangkan kerangka *siyāsah shar'īyyah* dalam bidang kehakiman sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn Farhūn digunakan dalam dua aspek iaitu cara pensabitan kes dan cara penetapan hukuman. Dalam kaedah pensabitan, hakim dibenarkan menggunakan beberapa metode dan pendekatan yang bijaksana dalam proses mahkamah dan tidak hanya bergantung kepada keterangan atau cara *ithbāt* yang biasa atau cara yang telah diketahui umum. Manakala dalam cara penetapan hukuman, para

hakim dibenarkan menambah bentuk dan jumlah hukuman sesuai dengan kadar keseriusan kes.

‘Abd al-‘Āl Aḥmad ‘Aṭwah pula menyenaraikan beberapa pendekatan *siyāsah* yang digunakan dalam *al-qāḍā’* antaranya ialah membuat penghakiman berdasarkan *qarīnah* yang meyakinkan bahawa keadilan telah tercapai dengannya. Selain itu, hakim boleh menggunakan helah dalam mencari kebenaran sebagaimana yang dilakukan oleh para khalifah Islam atas dasar *maṣlahah*.

Manakala al-Zuhaylī pula turut memberi contoh tindakan *siyāsah* dalam penghakiman iaitu hakim boleh menjatuhkan hukuman bunuh dalam kesalahan takzir sebagaimana yang diharuskan oleh para fuqaha’ seperti Ḥanafiyah dan Mālikiyyah dalam kes melakukan jenayah secara berulang, kesalahan liwat dan pembunuhan menggunakan objek berat. Hukuman bunuh ini disebut oleh para fuqaha’ berdasarkan pendekatan *siyāsah* apabila hakim mendapati terdapat *maṣlahah* dalam menjatuhkan hukuman sedemikian seperti menghalang dari berulangnya jenayah oleh pelaku yang sama pada masa akan datang. Sehubungan dengan itu, hakim boleh menjatuhkan hukuman bunuh kepada pencuri yang berulang kali melakukan kesalahan yang sama terutama apabila hakim mendapati bentuk hukuman lain tidak mampu mencegahnya dari terus melakukan jenayah melainkan dijalankan hukuman bunuh ke atasnya. Hukuman yang dijatuhkan ini adalah berbentuk *siyāsah* bagi menjaga *maṣlahah* orang ramai.

### DINAMISME *SIYĀSAH AL-QĀḌĪ*

Terminologi *siyāsah al-qāḍī* tidak disebut secara taṣriḥ (jelas) daripada perbincangan para fuqaha’ tetapi ia difahami secara *talwīḥ* (tersirat). Ibn Farḥūn dalam bukunya *Tabṣīrah al-Ḥukkām*, al-Ṭarābulisī dalam *Mu’īn al-Ḥukkām* dan Ibn al-Qayyim dalam *al-Ṭuruq al-Ḥukmiyyah* merupakan antara fuqaha’ yang telah mengetengahkan secara tidak langsung konsep *siyāsah al-qāḍī* dalam penulisan mereka. Mereka telah membincangkan pendekatan-pendekatan berbentuk *siyāsah* dalam *al-qāḍā’* dan menunjukkan keharusan dan keperluan bagi seseorang

hakim untuk melaksanakan *siyāsah* dalam menjalankan urusan tadbir mahkamah dan mengendalikan prosiding kehakiman. Oleh yang demikian, secara mafhumnya dapatlah dikatakan bahawa adanya konsep *siyāsah al-qāḍī* meskipun istilah tersebut tidak digunakan secara langsung dalam penulisan mereka.

*Siyāsah al-qāḍī* dalam kajian ini merujuk kepada peranan dan tindakan yang diambil oleh hakim atau institusi kehakiman dalam menjalankan urusan tadbir mahkamah termasuk menyediakan dan mengawal selia infrastruktur mahkamah, mengurus sumber manusia, menjaga kebajikan dan menyediakan kemudahan hakim dan kakitangan, menetapkan bidang kuasa mahkamah/hakim, melaksanakan etika kehakiman, menjalankan prosiding perbicaraan dan hukuman, menguatkuasakan perintah, serta mengeluarkan apa-apa arahan dan peraturan yang diperlukan untuk melicinkan pentadbiran sistem kehakiman dalam kerangka pelaksanaan *siyāsah shar'iyah* bagi memastikan keadilan benar-benar dapat direalisasikan.

Perkembangan yang berlaku dalam persekitaran kehidupan manusia merupakan antara faktor timbulnya banyak permasalahan baru yang penyelesaiannya tidak disebutkan secara khusus di dalam al-Quran dan al-Sunnah dan memerlukan kebijaksanaan para hakim untuk berjihad bagi mencari jawapan dan penyelesaian baru (Ibn Taymiyyah, 1419H: 21). Oleh itu, seorang hakim perlu sentiasa peka dengan perubahan yang berlaku disekelilingnya dari semasa ke semasa serta bersikap fleksibel dan berdaya saing dalam mendepani perkembangan tersebut serta mampu memberi penyelesaian yang menepati *wāqī'* yang berlaku. 'Umar Abdul Aziz menyebutkan, "*Banyaknya isu yang berlaku dalam masyarakat bergantung mengikut kadar berlakunya kejahatan di kalangan mereka*" (Muṣṭafa al-Nadawī, 2015: 6).

Satu ketetapan yang tidak dapat ditolak ialah apabila masa, tempat, adat dan perilaku manusia berubah, maka hukum hakam juga turut berubah (Arnūs: 2017: 171). Dalam hal ini, fuqaha' telah menyimpulkan dalam satu kaedah fiqh yang berbunyi : "*Tidak diingkari berlakunya perubahan hukum disebabkan perubahan masa*" (al-Nadawī, 2007: 158). Perubahan hukum

disebabkan perubahan masa hanya berlaku pada hukum–hukum yang *mutaghayyirat* (yang boleh berubah), tidak pada perkara–perkara yang *tsawābit* (yang tetap dan kekal) seperti pensyariatan solat, puasa, keharaman zina dan seumpamanya. Dalam ungkapan lain, syariat Islam bersifat tetap pada perkara–perkara usul dan bersifat fleksibel (*murūnah*) pada perkara–perkara *furū'* yang banyak melibatkan persoalan–persoalan semasa dalam mana–mana dimensi kehidupan manusia (Ismā'īl Kaukasāi, 2000: 36–37).

Oleh kerana urusan *al–qaḍā'* merupakan perkara *siyāsī* dan *ijtihādī*, maka ia termasuk dalam kategori *mutaghayyirat* yang sentiasa menerima perubahan dan ijtihad baru mengikut perubahan zaman yang berlaku. Hukum yang boleh berubah adalah tertakluk kepada *wāqī'* atau realiti semasa yang biasanya merujuk kepada nilai semasa budaya, adat atau *'urf* serta keperluan sesebuah masyarakat di sesuatu lokaliti (al–Zarqā, 2001: 227–228). Perubahan ini adalah bertujuan menjaga kemaslahatan hidup manusia sesuai dengan tujuan syariat diturunkan.

Dalam konteks kehakiman, menurut Ibn al–Qayyim (2002: 10) seseorang hakim perlu mempunyai kefahaman yang mantap dalam dua dimensi. Pertama, hakim perlu memahami *wāqī'* dengan baik, iaitu mempunyai kefahaman tentang isu yang berlaku berdasarkan realiti semasa dan setempat sehingga beliau benar–benar menguasai kefahaman tentangnya dan kedua, hakim perlu memahami hukum–hukum yang sudah ditetapkan di dalam al–Quran dan al–Sunnah sehingga mampu untuk mengaplikasikan jawapan hukum kepada permasalahan yang baru timbul.

Selain itu, dalam menjalankan *siyāsah al–qaḍā'*, hakim perlu menguasai seni dan kemahiran *siyāsah* yang efektif dalam mengambil apa–apa tindakan untuk memastikan perjalanan urus tadbir mahkamah, prosiding perbicaraan serta hukuman yang dijatuhkan adalah teratur, kemas dan adil dengan mengambil kira *maṣlahah* yang ditekankan oleh Syarak berdasarkan kaedah fiqh menyebut: “Tindakan yang diambil oleh pemerintah ke atas rakyatnya hendaklah berdasarkan kepada *maṣlahah*” (as–Suyūṭī, 1998, 1: 278, Ṭalāfah, 2008: 23)

## SIYĀSAH AL-QĀDĪ DALAM PERBINCANGAN KITAB-KITAB FiqH

Dalam genre perbahasan fiqh klasik, perbincangan mengenai *siyāsah* dalam kehakiman banyak dibincangkan di bawah tajuk *adāb al-qāḍī*. Namun begitu, lazimnya ramai beranggapan perbahasan *adāb al-qāḍī* adalah terbatas kepada aspek etika, akhlak dan sahsiah yang perlu ada pada seseorang hakim semata-mata. Sedangkan perbahasan *adāb al-qāḍī* adalah bersifat komprehensif merangkumi banyak aspek *siyāsah* yang perlu diselia, ditadbir dan dilaksanakan oleh hakim dalam menjalankan pentadbiran kehakiman. Terdapat banyak komponen *siyāsah* yang perlu diberi perhatian dan dijalankan oleh hakim bagi memastikan sistem kehakiman sentiasa berada dalam landasan untuk menegakkan keadilan, menafikan kezaliman serta menyampaikan hak kepada yang berhak. Artikel ini akan membincangkan empat aspek utama dalam *siyāsah al-qāḍī* iaitu (i) aspek etika hakim, (ii) aspek infrastruktur mahkamah, (iii) aspek kebajikan hakim dan sumber manusia, serta (iv) aspek tatacara menjalankan perbicaraan dan menjatuhkan hukuman.

### Etika Hakim

Hukum syarak telah menetapkan beberapa etika yang perlu dipatuhi oleh seseorang hakim sepanjang tempoh perkhidmatannya. Etika dalam artikel ini merujuk kepada personaliti dan keperibadian yang perlu dimiliki oleh seseorang hakim serta tingkah laku yang boleh dilakukan atau tidak. Ia boleh dibahagikan kepada dua keadaan, iaitu pada semua keadaan secara am, dan ketika berada di dalam mahkamah atau perbicaraan.

Secara umumnya, hakim dikehendaki berlaku adil, tidak bergaul bebas dengan orang ramai (al-Samnānī, 1994, 1: 158), tidak membeli atau menjual barangan secara bersendirian atau dengan orang yang sangat hampir kepadanya (Ibn Farḥūn, 2005: 37), tidak menerima jemputan yang boleh menimbulkan syak wasangka (al-Māwardī, 1994: 43), tidak menerima rasuah, tidak

membabitkan diri dalam perniagaan (al-Nawawī, t.t, 8: 125), tidak mengeluarkan fatwa, tidak meminjam wang, menjaga kata-kata, mengurangkan bicara, tidak bertengkar, mengelak daripada bergurau atau ketawa berlebihan (al-Dusūqī, t.t, 4: 140) dan meletakkan jawatan apabila hilang kelayakan (al-Sharbīnī, 2006, 6: 297).

Manakala etika dalam mahkamah pula, secara ringkasnya hakim hendaklah menghukum berdasarkan undang-undang Islam, tidak mendengar perbicaraan dan menghukum ketika berada dalam keadaan tidak tenang seperti marah, lapar, dahaga, mengantuk, sedih, malas (al-Qanūjī, t.t: 253), sakit, cuaca yang terlalu panas atau sejuk dan ketika dalam keadaan fitnah, tidak dipengaruhi oleh keadaan atau individu yang berada di hadapannya, memberi perhatian yang sama adil kepada pihak-pihak (Ibn Nujaim, 1997, 6: 473), bersifat terbuka dan sabar ketika mendengar keterangan dan hujah daripada kedua-dua pihak, mengelakkan perbicaraan daripada menjadi panjang (al-Shāmī, 2012: 184) Hakim dilarang bersikap kasar dan keras namun dalam masa yang sama dilarang bersikap lemah dan hina (al-Buhūtī, 1983, 6: 310; Qaitūn Fātimah 2013:21), berhati-hati dengan muslihat pihak tertentu untuk memenangi kes, menghormati saksi, tidak mendengar kes yang membabitkan dirinya sendiri, anaknya, ibu bapanya, isterinya, rakan kongsinya atau musuhnya (Ibn al-Qāṣ, 1989: 130). Etika-etika tersebut tidak semuanya mutlak kerana pada beberapa etika tertentu seperti menerima hadiah, terdapat pengecualian (al-Māwardī, 1994: 281). Begitu juga, terdapat perbezaan pendapat tentang hukum hakim melibatkan diri dalam perniagaan, ada fuqaha' yang mengharamkannya sedangkan ada pendapat yang menghukumkannya sebagai makruh.

Kesemua etika yang dinyatakan di atas perlu dipatuhi oleh hakim supaya prinsip hayad al-qāḍī (keneutralan hakim) sentiasa terpelihara dan tidak diganggu gugat, mengelak tohmahan awam seterusnya menjamin keadilan itu benar-benar dapat ditegakkan. Ini selaras dengan ungkapan Hakim Lord Hewart dalam kes R lwn Sussex Justices ex parte Mc Carthyl “*Not only must Justice be done, it must also be seen to be done*”

## Infrastruktur Mahkamah

Pada dasarnya perbicaraan hendaklah diadakan di mahkamah terbuka yang boleh dimasuki dan disertai oleh sesiapa sahaja (al-Nawawī, t.t: 8: 121). Kedudukannya hendaklah strategik iaitu berada di tengah-tengah kota/bandar (Ibn Farḥūn, 2005: 42) kerana ia menjadi tempat tumpuan selain mudah dikunjungi oleh orang ramai. Perbicaraan boleh dijalankan di mana-mana tempat yang bersesuaian seperti di kediaman hakim, masjid atau mana-mana tempat yang diisytiharkan sebagai mahkamah terbuka (al-Ṭarābulisī, 2019: 48). Ini kerana tiada tempat khusus untuk sidang perbicaraan pada zaman Rasulullah SAW (al-Karmī, 2006: 233). Namun, para fuqaha' khilaf tentang keharusan menjalankan perbicaraan di masjid. Sebahagian mereka menggalakkannya kerana masjid adalah semulia-mulia tempat dalam Islam, mudah diketahui umum serta ruangnya lebih luas berbanding tempat-tempat lain selain amalan ini telah dilakukan oleh Rasulullah SAW, 'Umar al-Khattāb RA, 'Alī RA, Sha'bī, Shuraih dan Ibn Abī Lailā (al-Samnānī, 1994: 98-99). Namun sebahagian fuqaha' seperti al-Shāfi'i, 'Umar Abd al-'Azīz dan al-Kūfi pula menegah berbuat demikian kerana ianya boleh mencemarkan imej masjid. Sesuatu pertikaian boleh menyebabkan timbulnya kata-kata yang tidak elok, tuduh menuduh dan caci maki di antara pihak yang bertikai yang tidak sepatutnya dituturkan dalam masjid (al-Nawawī, t.t. 8: 121) selain ia akan mengganggu jemaah yang sedang melakukan solat dan ibadat-ibadat yang lain. Dalam masa yang sama juga membuka ruang kepada orang yang berhaid dan berjunub serta orang bukan Islam masuk ke dalam masjid.

Ruang bicara mahkamah hendaklah luas dan selesa hingga tidak mendatangkan kesesakan kepada hadirin, terlindung dari panas matahari dan hujan, pengaliran udara yang baik, tidak terlalu panas atau sejuk, boleh dimasuki cahaya dan terhindar dari perkara-perkara yang boleh mengganggu kelancaran perbicaraan yang dijalankan (al-Sharbīnī, 2006, 6: 312). Selain itu, mahkamah hendaklah dilengkapi dengan kemudahan seperti tempat makan, minum, tandas

dan bilik rehat. Tempat duduk hakim dalam mahkamah hendaklah dijarakkan daripada pihak-pihak yang bertikai. Hakim hendaklah duduk atas hamparan khusus untuk membezakannya dengan orang lain dan berada pada kedudukan yang lebih tinggi untuk memudahkan pihak-pihak melihatnya (al-Nawawī, t.t: 121). Hakim dilarang duduk di bawah tanpa hamparan atau sama kedudukan dengan pihak yang bertikai kerana boleh menghilangkan *haibah* hakim di mata orang awam (al-Buhūtī, 1983: 132).

### **Kebajikan Hakim dan Sumber Manusia**

Hakim perlu memiliki kewangan yang mencukupi bagi mengelakkannya terdorong untuk mengambil rasuah atau mendampingi orang-orang tertentu untuk memenuhi kepentingan peribadinya (Ḥasan Taysir, 2006: 98). Untuk itu, jumhur fuqaha' membenarkan saraan hakim diperoleh daripada Baitulmal (Perbendaharaan Negara) (al-Qanūjī, t.t: 249). Diriwayatkan bahawa 'Umar al-Khattāb RA memberi gaji kepada hakim Shuraih sebanyak seratus dirham sebulan manakala pada zaman Ali RA beliau dibayar gaji sebanyak lima ratus dirham (Ibn al-Qāṣ, 1989: 108) sesuai dengan pengalaman dan keperluan hidup semasa yang meningkat. Hakim layak menerima gaji daripada baitulmal atas kapasitinya sebagai 'amil umat Islam. Oleh itu, harta baitulmal boleh digunakan untuk membayar gaji hakim. Begitu juga dengan pegawai dan kakitangan mahkamah yang lain (Ibn Mufīḥ, 2004: 1700).

Selain itu, hakim perlu menggunakan kenderaan yang sesuai dengan kedudukannya sebagai seorang yang dipandang tinggi dalam masyarakat. Para fuqaha' menghendaki supaya hakim menaiki *baghāl* jantan kerana ia lebih baik dari yang *baghāl* betina, kuda apatah lagi keldai (al-Samnānī, 1994, 1: 92). Dalam masa yang sama, hakim dilarang untuk membenarkan orang lain untuk menaiki kenderaan bersama-samanya melainkan jika mereka sudah biasa berbuat demikian sebelum beliau dilantik menjadi hakim (Ibn Farḥūn, 2005: 40). Ini mengelakkan

tohmahan orang ramai terhadap kenuetralan hakim. Manakala kediaman hakim pula hendaklah berada di tengah-tengah bandar untuk memudahkan orang ramai berurusan dengannya (al-Ṭarābulisī, 2019: 49).

Umum mengetahui tugas seseorang hakim adalah berat dan rumit. Amat sukar untuk hakim melaksanakan semua tugas secara bersendirian tanpa dibantu oleh sejumlah pegawai atau kakitangan tertentu. Ketidadaan pembantu menyukarkan perbicaraan berlangsung dengan teratur dan lancar. Bilangan pembantu yang diperlukan oleh hakim, peranan dan tugas mereka adalah berbeza-bebeza mengikut kepada keperluan semasa dan peredaran masa yang berlaku. Namun al-Dusūqī (t.t, 4: 132) menyarankan supaya bilangan pembantu hakim dikurangkan dan tidak terlalu ramai. Pembantu yang dipilih mestilah berintegriti dan amanah.

Para fuqaha' telah menyenaraikan pembantu-pembantu yang diperlukan untuk membantu hakim dalam mengendalikan perbicaraan di mahkamah iaitu *kātib*, *hājib*, *bawwāb*, *naqib*, *mutarjim*, *jilwāz*, *ajriya'*, *muzakkī*, *sāhib al-sijn* dan *shuhūd 'alā al-da'wā*. (Ḥasan Taysir, 2006: 103-110; Umāmah 'Alī, 2005: 452-456). Selain membantu hakim dalam prosiding perbicaraan, keberadaan pembantu-pembantu menyerlahkan lagi haibah dan kemuliaan hakim itu sendiri (Ibn Nujaim, 1997, 6: 474).

### Tatacara menjalankan prosiding perbicaraan dan hukuman

*Majjaniyah al-qaḍā'* merupakan antara prinsip asas kehakiman Islam iaitu apa-apa urusan di mahkamah adalah percuma dan tidak dikenakan bayaran ke atas pihak yang mendakwa atau yang didakwa. Bahkan kos-kos berkaitan ditanggung oleh baitulmal sebagaimana saraan dan gaji hakim. Prinsip ini bertujuan untuk memastikan setiap orang berhak membuat apa-apa dakwaan atau menuntut hak mereka di mahkamah tanpa terhalang disebabkan faktor bebanan kewangan. Namun bayaran daripada pihak-pihak yang bertikai boleh diambil dalam keadaan ketidakupayaan

kewangan pihak baitulmal (Sa'ad bin Muḥammad, 2011: 49–50; Naṣr Farīd, 1403H: 236). Namun al-Māwardī (1994, 16: 293–294) meletakkan beberapa syarat yang perlu dipatuhi sebelum mahkamah dibenarkan mengambil apa-apa bayaran daripada pihak-pihak.

Ketika menjalankan perbicaraan, hakim hendaklah mengenakan pakaian yang sesuai dengan jawatannya sebagai hakim supaya penampilannya kelihatan hebat dan gagah pada mata orang awam (Sayyid Bakrī, 1998, 4: 352). Untuk itu, hakim dikehendaki memakai pakaian hitam atau mengenakan serban hitam kerana Rasulullah SAW ketika hari pembukaan Mekah (*Fath Makkah*) telah memakai serban hitam (al-Nawawī t.t, 8: 116). Mengenakan pakaian berwarna hitam menampakkan kehebatan (*haibah*) dan kemuliaan seorang hakim. Selain itu, hakim hendaklah memastikan dirinya berada dalam mahkamah pada waktu yang telah dijadualkan. Elakkan perbicaraan dibuat pada waktu yang tidak sesuai seperti awal pagi atau malam (Ibn Farḥūn, 2005: 42). Selain itu, hakim perlu menghadkan jumlah kes yang akan dibicarakan pada satu-satu masa supaya tidak terlalu banyak. Mendengar dan membicarakan kes terlalu banyak akan memenatkan hakim hingga akhirnya mereka menjadi bosan dan hilang fokus. Tempat duduk hakim dalam mahkamah juga hendaklah dijarakkan dari tempat duduk pihak-pihak yang bertikai malah perlu dibezakan warna hamparan tempat duduknya dengan pihak lain (Ibid: 43). Tempat duduk lelaki dan wanita perlu diasingkan bagi mengelakkan *ikhtilāf* yang tidak syarie (Mar'ī Yūsūf, 2018: 71), malah jika terdapat pihak-pihak Islam dan bukan Islam, hendaklah dibezakan kedudukan mereka dengan cara ditinggikan sedikit kedudukan orang Islam berbanding orang bukan Islam (al-Sharbīnī, 2006, 6: 329), namun sebahagian fuqaha' tidak bersetuju dengan perkara ini.

Perbicaraan hendaklah dijalankan mengikut giliran (al-Māwardī, 1994: 288) berdasarkan pihak yang tiba dahulu ke mahkamah (Sayyid Bakrī, 1998, 4: 351). Kes pihak tiba awal ke mahkamah hendaklah didengar dahulu berbanding pihak yang tiba kemudian dan begitulah seterusnya. Namun sekiranya dalam kalangan pihak yang bertikai itu terdapat wanita, orang yang

datang dari jauh (musafir) atau orang yang perlu disegerakan kesnya, hakim perlu mendengar kes mereka terlebih dahulu meskipun mereka hadir lewat ke mahkamah. Ini perlu untuk menutup perkara yang boleh menjadi aib bagi wanita, manakala kes yang melibatkan musafir perlu didengar terlebih dahulu kerana jika lewat didengar akan menyukarkan mereka untuk pulang semula ke tempat mereka yang jauh (Ibn Farḥūn, 2005: 51).

Ketika memulakan prosiding perbicaraan, hakim perlu tenang dan melayan pihak-pihak yang bertikai di hadapannya dengan adil dan sama rata baik dari segi percakapan, pandangan, kedudukan pihak-pihak atau peluang kepada kedua pihak untuk berhujah (al-Ṭarābulisī, 2019: 53). Selain itu, hakim perlu mendengar keterangan kedua-dua pihak (al-Qanūjī, t.t: 254). Hakim perlu elakkan diri dari bergurau dan berjenaka dengan mereka dibimbangi akan menghilangkan rasa hormat mereka kepadanya (al-Samnānī, 1984, 1: 168).

Hakim hendaklah memulakan perbicaraan dengan meminta plaintif/pemohon mengemukakan dakwaan/tuntutan sebelum meminta defendan/responden menjawab dakwaan tersebut (Zafir al-Qāsimī, 1992: 499-500). Jika plaintif enggan mengemukakan dakwaannya, kesnya akan ditolak oleh hakim, manakala jika defendan enggan menjawab tuntutan, hakim tidak boleh memaksanya untuk berbuat demikian. Percakapan hakim dalam mahkamah hendaklah terbatas kepada persoalan dan isu yang berkaitan dengan kes sahaja, manakala percakapan pihak yang mendakwa terbatas kepada dakwaan yang dibuat olehnya dan percakapan pihak yang didakwa terbatas kepada jawapan terhadap dakwaan yang dibuat ke atasnya. Dengan kata lain, percakapan yang tidak perlu dan tidak berkaitan dengan kes perlu dielakkan dalam mahkamah (al-Māwardī, 1994: 273). Hakim tidak dibenarkan untuk mengajar atau membantu hujah mana-mana pihak termasuk saksi-saksi atau memandu mereka dalam berhujah (Ibn al-Qāṣ, 1989: 190). Hakim juga berdasarkan tazkiyah shuhūd tidak boleh menerima kesaksian saksi yang tidak kompeten seperti pengkhianat, pezina, kafir, fasiq dan ada permusuhan dengan pihak-pihak bertikai. Kesaksian mereka ditolak kerana adanya tohmahan yang boleh dipertikaikan sifat adilnya

sebagai seorang saksi. Namun ada perbezaan pendapat tentang keharusan menerima kesaksian wanita dan kesaksian muslim ke atas kafir (Muṣṭafa al-Nadawī, 2015: 313–325).

Selain itu, hakim perlu mencatat keterangan pihak-pihak dan setiap apa yang berlaku dalam mahkamah dan direkodkan dalam *Diwān al-Hukm* (Buku Catatan Mahkamah). Catatan hendaklah ditulis sendiri oleh hakim atau katib mengikut keperluan yang difikirkan wajar oleh hakim (Ibn al-Qāṣ, 1989: 191). Hakim dari semasa ke semasa dengan bantuan *jilwāz* dan *naqib* hendaklah mengawasi perjalanan perbicaraan agar berjalan lancar tanpa gangguan dari mana-mana pihak. Pihak-pihak hendaklah dipastikan supaya tidak mengganggu antara satu sama lain atau mengganggu perbicaraan berlangsung. Jika ada satu pihak menimbulkan kekecohan, hakim hendaklah menegur dan melarangnya. Jika terus berulang, hakim perlu memberi amaran yang tegas ke atasnya. Namun jika pihak-pihak ingkar arahan, hakim boleh mengenakan apa-apa tindakan yang wajar seperti memukul atau menahannya dipenjara supaya mereka menghormati kemuliaan mahkamah (al-Nawawī, t.t, 8: 127).

Hakim hendaklah menggalakkan pihak-pihak menyelesaikan perselisihan secara *ṣulḥ* sebelum keputusan dibuat (al-Ṭarābulisī, 2019 : 51). Hakim juga tidak boleh membuat keputusan atau menjatuhkan hukuman dalam keadaan tidak pasti atau ragu-ragu (al-Harirī, 1999: 81) dan hakim perlu menanggukkan kes pada satu tempoh yang wajar untuk meneliti dan menghalusi semua fakta, keterangan, hujah, dalil dan waqi' yang berlaku hingga mampu menjatuhkan hukuman dengan yakin dan pasti (Mar'ī Yūsūf, 2018: 94). Dalam keadaan ini, hakim disarankan supaya merujuk dan berbincang dengan para fuqaha dan pakar-pakar berkaitan meskipun beliau seorang mujtahid supaya penghakimannya benar-benar menepati hukum syarak (al-Dusūqī, t.t, 4: 139). Sekiranya hakim mendapati berlakunya persamaan hak pada perkara yang dipertikaikan dan keduanya tidak mempunyai *bayyinah* atau kekuatan *bayyinh*nya adalah sama, hakim hendaklah membuat undian dan keputusan ditentukan berdasarkan undian tersebut. Dalam hal yang sama, hakim juga boleh untuk membahagikan hak tersebut secara sama rata antara

keduanya. Terdapat beberapa kes yang telah diputuskan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat melalui kaedah ini (Muṣṭafā al-Nadawī, 2015: 362 & 371).

Sesuatu keputusan atau hukuman yang telah diperintahkan oleh hakim, wajib dipatuhi oleh pihak yang dijatuhkan hukuman tersebut. Hakim boleh mengambil apa-apa tindakan termasuk memenjarakan pihak yang gagal mematuhi perintah mahkamah (Ibid: 499). Hakim juga boleh membatalkan hukuman terdahulu yang telah dijatuhkan jika didapati penghakimannya telah tersilap (Sayyid Bakrī, 1998, 4:359–360). Prinsip ini telah dinyatakan dengan jelas oleh ‘Umar al-Khattāb di dalam *Risālah Qaḍā’*nya juga berpandukan kes semakan penghakiman yang dibuat oleh Nabi Sulaimān AS terhadap keputusan Nabi Dawūd AS dalam kes perebutan seorang anak oleh dua orang wanita.

## PERBANDINGAN SIYĀSAH AL-QĀḌĪ ANTARA PRINSIP FIQH DENGAN AMALAN SEMASA DI MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA

Setelah menyenaraikan beberapa prinsip *siyāsah al-qāḍī* yang perlu diikuti dan dilaksanakan oleh hakim, penelitian dan perbandingan telah dibuat bagi melihat sejauh mana perkara-perkara tersebut diaplikasikan dalam amalan hakim di Mahkamah Syariah sekarang ini.

Sebelum dikeluarkan arahan amalan mengenai Kod Etika Hakim, tingkah laku hakim dikawal dan dipandu oleh *adab al-qāḍī* yang telah digariskan dalam fiqh klasik. Namun begitu, *adab al-qāḍī* diikuti mengikut kesesuaian keadaan semasa dan situasi sekeliling. Untuk menentukan apakah tindakan terbaik yang patut diambil apabila berhadapan dengan sesuatu situasi, hakim bebas melakukan ijtihad. Pada 2 Februari 2001, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah mengeluarkan satu arahan amalan Mahkamah Syariah. Menerusi arahan ini, satu Kod Etika Hakim Syarie telah terpakai ke atas para Hakim Syarie mulai 1 Mac 2001. Ia memperuntukkan etika yang perlu dipatuhi oleh seseorang Hakim Syarie dalam dua keadaan, iaitu

pada semua keadaan secara am, dan ketika berada dalam mahkamah dan mendengar kes.

Etika am Hakim Syarie, antaranya, melarang seorang Hakim Syarie daripada berkelakuan dengan sedemikian cara yang boleh menyebabkan syak munasabah bahawa sama ada dia telah membiarkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan tugas kehakimannya sehingga kedudukannya sebagai Hakim Syarie terjejas, atau dia telah menggunakan kedudukan kehakimannya bagi faedahnya sendiri. Hakim Syarie dilarang berkelakuan tidak jujur atau dengan sedemikian cara hingga memburukkan atau boleh memburukkan atau mencemarkan nama Mahkamah Syariah. Hakim Syarie juga dilarang membelakangkan tugas kehakimannya demi kepentingan peribadi. Begitu juga dia dilarang daripada bergaul bebas dengan orang ramai dengan cara yang boleh menimbulkan syak terhadap keupayaannya untuk berlaku adil dalam tugas kehakiman, dan larangan daripada menerima apa-apa hadiah yang berkaitan, dengan apa-apa cara, dengan tugas kehakimannya. Hakim Syarie juga tidak boleh mengusahakan, bagi mendapatkan upah, apa-apa kerja tanpa kebenaran daripada ketua Hakim Syarie. Memberi pendapat tentang sesuatu perkara sedang perkara tersebut sedang dibicarakan atau berkemungkinan dibicarakan di hadapannya adalah dilarang, kerana pendapatnya itu boleh kemudiannya digunakan oleh sesuatu pihak. Hakim Syarie juga dilarang meminjam wang daripada mana-mana orang, menjadi penjamin kepada mana-mana peminjam, atau dengan apa-apa cara yang meletakkan dirinya di bawah suatu obligasi kewangan kepada mana-mana orang yang sama ada yang tertakluk kepada kuasa kehakimannya atau dengannya ada atau mungkin ada urusan rasmi. Akhir sekali, mengambil bahagian dalam aktiviti parti politik turut menjadi satu larangan.

Antara peruntukan Etika Hakim Syarie ketika mendengar sesuatu kes ialah Hakim Syarie hendaklah melaksanakan keadilan sebagaimana yang dikehendaki oleh hukum syarak, menjalankan tugas mengikut hukum syarak, dan memberi penghakiman berdasarkan peruntukan undang-undang. Hakim Syarie dilarang mendengar sesuatu kes apabila dia berkeadaan tidak

tenang seperti ketika dia marah, lapar, haus, mengantuk, letih dan tidak sihat, dan dikehendaki memberikan penghakimannya ketika dia berada dalam keadaan tenang. Hakim Syarie juga dilarang meninggalkan mahkamahnya pada waktu pejabat tanpa alasan yang munasabah atau tanpa mendapat keizinan daripada Ketua Hakim Syarie. Beliau juga dilarang membicarakan apa-apa kes di mana pihak yang terlibat adalah musuhnya atau orang lain yang berkemungkinan akan mempengaruhi tugas kehakimannya. Selain itu, Hakim Syarie dikehendaki bertindak tegas dan adil, dan tidak boleh dipengaruhi oleh keadaan atau orang yang hadir di hadapannya. Hakim Syarie juga perlu bersifat terbuka dan sabar semasa mendengar keterangan dan hujah daripada beberapa pihak. Selain itu, Hakim Syarie dikehendaki memastikan prosiding berjalan dengan teratur menurut peraturan mahkamah dan mengawal keadaan supaya perbicaraan berjalan dengan lancar. Hakim Syarie juga perlu menggalakkan pihak terlibat menyelesaikan pertelingkahan mereka dan mencapai penyelesaian secara *sulh* dalam kes mal pada mana-mana peringkat sebelum penghakiman diberi. Saksi hendaklah dimuliakan, manakala pihak terlibat dan para peguam hendaklah diberi layanan sama rata. Akhir sekali, Hakim Syarie perlu mengadakan perbicaraan dalam mahkamah yang terbuka kecuali dalam keadaan tertentu seperti yang dibenarkan oleh undang-undang.

Terdapat peruntukkan lain di mana Hakim Syarie dikehendaki bersungguh-sungguh dan tidak berlengah-lengah tanpa alasan yang munasabah menyelesaikan kes, memberi keputusan, menulis alasan penghakiman dan mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh ketua Hakim Syarie dari masa ke masa. Begitu juga terdapat peruntukan yang menghendaki Hakim Syarie mengisytiharkan hartanya kepada ketua Hakim Syarie pada masa pelantikannya atau pada bila-bila masa selepas itu. Selain Kod Etika Hakim Syarie, JKSM juga ada mengeluarkan Kod Etika Peguam Syarie melalui Arahan Amalan No. 4 Tahun 2002.

Dalam menjelaskan lagi Kod Etika Hakim Syarie yang telah dikeluarkan, JKSM juga telah mengeluarkan satu lagi Arahan Amalan pada tahun 2018 untuk menjelaskan lagi larangan

mengenai pergaulan bebas Hakim Syarie dengan masyarakat awam, larangan menggunakan kedudukannya untuk faedah dirinya serta tegahan dari memberikan pendapat atau fatwa, maka Etika dan Peraturan Hakim Syarie untuk menyampaikan ceramah atau apa-apa pengajaran tentang agama Islam di Masjid/Surau telah dikeluarkan. Justeru, Hakim Syarie perlu terikat dan mematuhi syarat-syarat tertentu seperti perlu mendapatkan kebenaran khusus dari Ketua Pengarah JKSM, Ketua Hakim Syarie Negeri atau Ketua Jabatan tempat bertugas. Hakim Syarie dilarang menggunakan nama jawatannya pada bila-bila masa semasa aktiviti menyampaikan ceramah atau mengajar agama selain tidak dibenarkan ianya dibuat ketika waktu bekerja atau waktu pejabat kecuali atas kebenaran khas. Kebenaran mengajar/berceramah hendaklah tidak lebih dari tiga buah masjid/surau dalam satu bulan selain perlu membuat laporan kepada Ketua Pengarah JKSM, Ketua Hakim Syarie Negeri atau Ketua Jabatan tempat bertugas secara bulanan.

Berkaitan larangan bergaul bebas dengan orang awam, tidak bermakna Hakim Syarie tidak boleh bergaul atau berkawan dengan sesiapa sahaja yang disukainya, tetapi beliau perlu membataskan pergaulannya jangan sampai menimbulkan syak wasangka di kalangan masyarakat. Begitu juga dengan larangan mengeluarkan fatwa, walaupun larangan ini bersifat umum, ia perlu dibaca dalam konteks negara ini. Bidang kuasa Mahkamah Syariah adalah terhadap kepada hal ehwal keluarga Islam, pusaka, wakaf, dan beberapa jenayah syarie seperti zina dan judi. Pendapat boleh diberi oleh seorang Hakim Syarie tentang perkara yang tidak termasuk dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah seperti memberi pendapat dalam hal pinjaman bank.

Prinsip *siyāsah al-qāḍī* tidak membenarkan hakim mendengar kes yang membabitkan ahli keluarganya, rakan kongsinya atau musuhnya. Namun larangan ini hendaklah bersifat fleksibel. Contohnya, sekiranya terdapat seorang sahaja Hakim Syarie di sesuatu kawasan, walaupun yang hadir ke mahkamah musuhnya atau bapanya sendiri, hakim tersebut dibenarkan menjalankan tugas kehakimannya, tetapi beliau mestilah bersikap adil dan tidak dipengaruhi oleh keadaan atau individu yang hadir dalam perbicaraan.

Peredaran masa dan perkembangan zaman yang berlaku menyebabkan prinsip *majjanayah al-qadā'* tidak lagi sesuai dipraktikkan pada masa kini. Sudah menjadi keperluan kepada pihak mahkamah perlu mengenakan bayaran (fi dan kos) kepada pihak-pihak yang berurusan di mahkamah terutama untuk menampung kos pendaftaran dan pengurusan kes. Dalam masa yang sama, jika urusan di mahkamah adalah percuma boleh menyebabkan pihak-pihak yang berurusan di mahkamah akan mengambil sikap tidak serius dan sambil lewa terhadap kes mereka yang membawa kepada penyalahgunaan proses mahkamah. Namun demikian, terdapat peruntukan undang-undang yang membenarkan pihak yang miskin dan tidak berkemampuan untuk memohon pengecualian bayaran fi mahkamah. Pengecualian fi juga diberikan untuk Jabatan Bantuan Guaman (JBG) atau panel peguamnya.

Berkaitan dengan mahkamah yang menjadi tempat perbicaraan, keadaan Mahkamah Syariah di Malaysia secara umumnya memenuhi kesemua ciri-ciri yang telah ditetapkan dalam perbahasan fuqaha'. Kebanyakan Mahkamah Syariah yang ada sekarang mempunyai bangunan tersendiri yang tersergam indah dan lengkap dengan infrastruktur yang diperlukan seperti dewan bicara, kaunter pendaftaran, ruang menunggu, bilik saksi, bilik *sulh*, bilik peguam, kamar hakim, kantin, tandas, ruang parkir kenderaan dan dilengkapi dengan penghawa dingin. Dewan bicaranya luas, selesa dan kedudukan hakim, peguam/pendakwa, pihak-pihak yang bertikai dan orang awam disusun atur dengan baik menepati kehendak *siyāsah al-qādī'*. Kedudukan mahkamah biasanya terletak di lokasi strategik iaitu di kawasan bandar dalam satu-satu daerah dan negeri. Selain itu, sebahagian hakim terutamanya hakim kanan disediakan kenderaan untuk tujuan tugas rasmi. Bahkan mereka disediakan kuarters kediaman mengikut taraf jawatan masing-masing. Manakala gaji hakim dibayar oleh kerajaan persekutuan atau kerajaan negeri berdasarkan jenis lantikan dan mereka menerima kesemua elaun, kemudahan, kenaikan gaji dan pangkat sebagaimana yang dinikmati oleh penjawat awam lain. Namun, taraf gaji hakim Mahkamah Syariah jauh lebih rendah berbanding hakim Mahkamah Sivil.

Berkenaan pembantu-pembantu hakim untuk mengendalikan perbicaraan di mahkamah seperti *kātib*, *ḥājib*, *bawwāb*, *naqib*, *mutarjim*, *jilwāz*, *ajriyā'*, *muzakki*, *sāḥib al-sijn* dan *shuhūd 'ala al-da'wā*, sebahagian besarnya telahpun diwujudkan di Mahkamah Syariah ketika ini meskipun tiada jawatan khusus yang dinamakan demikian. Contohnya, tiada jawatan khusus *kātib*, *naqib* dan *jilwāz* di mahkamah, tetapi peranan katib dijalankan oleh penolong atau pembantu pendaftar mahkamah. Manakala peranan *ḥājib*, *bawwāb* dan *ajriyā'* dijalankan oleh polis mahkamah yang dibekalkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM). Selain itu, *sāḥib al-sijn* pada masa kini tidak lagi berada di bawah mahkamah, bahkan ditadbir secara berasingan di bawah Jabatan Penjara Malaysia. Berkaitan dengan *mutarjim*, setakat ini jawatan penterjemah/jurubahasa ini tidak terdapat di Mahkamah Syariah. Kebiasaannya klien Mahkamah Syariah yang tidak tahu berkomunikasi dalam bahasa Malaysia boleh bertutur dalam bahasa Inggeris atau bahasa Arab dan dalam masa yang sama para hakim berkompeten dengan kedua-dua bahasa tersebut. Namun ada juga klien hanya mampu bertutur dan memahami bahasa ibunda mereka sahaja seperti bahasa Thai, Myanmar, Kemboja dan Filipina yang memerlukan penterjemah luar untuk membantu mahkamah dalam sidang perbicaraan.

Satu perkembangan baik mutakhir ini berlaku di Mahkamah Syariah bilamana khidmat juru isyarat sebagai penterjemah kepada golongan Orang Kurang Upaya (bermasalah pendengaran) telah diperkenalkan di Mahkamah Syariah Negeri Melaka mulai akhir tahun 2019. Meskipun khidmat juru isyarat telahpun wujud di Mahkamah Sivil, namun penterjemah dilantik dari pihak luar. Sedangkan apa yang dilakukan oleh Mahkamah Syariah Negeri Melaka ini, pihak mahkamah sendiri yang akan memainkan fungsi bahasa isyarat tersebut dalam usaha menyampaikan maklumat perundangan kepada golongan-golongan OKU ini. Tambahan pula, Mahkamah Syariah Negeri Melaka turut menjadi yang pertama mempunyai peguam syarie yang pakar dalam bahasa isyarat selain turut menjadi yang pertama mewujudkan montaj bahasa isyarat di laman sesawang mereka. Menurut Ketua Hakim Syarie Melaka, inisiatif ini diambil

memandangkan selama ini ramai pihak terlepas pandang mengenai golongan OKU pendengaran yang turut mempunyai kes-kes berkaitan penceraian, kekeluargaan dan sebagainya. Berkenaan keperluan kepada *shuhūd ‘alā al-da’wā* untuk menyaksikan, merekodkan dan memantau perbicaraan yang dilangsungkan sudah tidak relevan lagi untuk dilaksanakan pada masa kini. Ini kerana kesemua rekod kes, nota keterangan dan kronologi penghakiman selain dicatat secara terperinci oleh hakim atau pembantunya juga boleh dirujuk di dalam sistem E-Syariah.

Selain itu, prinsip *siyāsah al-qāḍī* menghendaki hakim mengenakan pakaian yang sesuai dengan jawatan kehakimannya dan menjaga penampilannya supaya tampil hebat dan terserlah *haibahnya*. Untuk itu, JKSM telah mengeluarkan Arahan Amalan mengenai garis panduan pakaian Hakim Syarie, Pendakwa Syarie, Peguam Syarie, Pegawai dan Petugas dalam Dewan Mahkamah Syariah. Oleh yang demikian, pakaian kesemua mereka diselaraskan di seluruh Mahkamah Syariah di Malaysia. Selain itu, untuk menyerlahkan lagi *haibah* pegawai-pegawai mahkamah, arahan berhubung gelaran panggilan yang digunakan dalam mana-mana perbicaraan atau surat menyurat ke atas pegawai mahkamah seperti Yang Amat Arif, Yang Arif, Tuan Hakim dan Tuan/Puan telah dikeluarkan.

Manakala untuk menyelaraskan masa bersidang mahkamah, Arahan Amalan juga dikeluarkan dengan mengarahkan semua mahkamah mula bersidang jam 9.00 pagi dan rehat jam 11.00 tengah hari selama 15 minit dan disambung semula hingga jam 12.30 tengah hari. Bagi sesi petang Mahkamah bersidang semula pada jam 2.15 petang hingga 4.00 petang. Selain itu, kes-kes yang akan dibicarakan oleh hakim pada setiap hari tidak ditetapkan berapa jumlahnya. Ia terpulang kepada budi bicara hakim dan disusun atur oleh pendaftar mahkamah. Tiada apa-apa arahan dikeluarkan oleh JKSM atau JKSN Negeri dalam menghadkan jumlah kes kerana ia bergantung kepada lokasi mahkamah itu sendiri. Jika di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Ipoh dan Kota Bharu, seorang hakim lazimnya mendengar dan membicarakan antara dua puluh hingga tiga puluh kes dalam satu hari. Jika diminimumkan jumlah kes untuk didengar setiap

hari, tentunya akan melambatkan penyelesaian sesuatu kes dan melambakkan lagi jumlah kes yang tertunggak di Mahkamah Syariah. Manakala di daerah lain, lazimnya antara sepuluh hingga dua puluh kes sehari.

Kes didengar mengikut giliran berdasarkan siapa yang tiba terlebih dahulu di mahkamah pada hari perbicaraan. Namun hakim boleh menggunakan budi bicaranya untuk mendengar terlebih dahulu kes yang melibatkan golongan orang kurang upaya (OKU), orang sakit dan warga emas. JKSM juga ada mengeluarkan arahan supaya hakim hendaklah memberi keutamaan kes-kes Wali Hakim/Raja yang pemohonnya adalah mualaf perlu dibicarakan dan diputuskan pada hari kes itu didaftarkan dengan syarat semua dokumen dan maklumat yang dikehendaki adalah lengkap. Selain itu, jika kedua-dua pihak suami dan isteri telah bersetuju untuk bercerai secara baik dan keduanya hadir ke mahkamah pada hari kes didaftarkan, hakim hendaklah terus mendengar kes tersebut pada hari itu juga.

Berkaitan catatan hakim sepanjang perbicaraan, arahan telah dikeluarkan supaya hakim tidak lagi membuat catatan secara manual dengan mewajibkan mereka menggunakan aplikasi sistem E-Bicara bagi tujuan menyediakan nota perbicaraan dan alasan penghakiman mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Hakim juga tidak perlu membuat pengiraan faraid secara manual lagi kerana ianya dibuat secara elektronik melalui sistem E-Faraid.

*Siyāsah al-qāḍī* menghendaki supaya hakim perlu membataskan percakapannya dalam mahkamah kepada persoalan dan isu yang berkaitan dengan kes sahaja, begitu juga dengan pihak-pihak yang bertikai. Dengan kata lain, peranan hakim adalah pasif dan hanya bergantung kepada fakta yang dikemukakan sahaja. Kaedah ini dikenali sebagai perbicaraan secara adversorial. Namun JKSM berpandangan, dalam usaha memastikan penghakiman yang dibuat benar-benar adil, hakim perlu terlibat secara aktif dalam penyiasatan fakta sesuatu kes pada mana-mana peringkat perbicaraan. Kaedah ini dikenali sebagai perbicaraan secara inquisitorial. Oleh itu, satu arahan telah dikeluarkan dengan memberi garis panduan kepada Hakim Syarie

mengenai tatacara menjalankan perbicaraan kes mal secara inquisitorial di Mahkamah Syariah.

Bagi memastikan perjalanan sidang perbicaraan berlangsung dengan tenang teratur dan lancar, peraturan-peraturan ketika berada dalam mahkamah ditampal di dalam dan di luar dewan mahkamah selain dibekalkan bersama saman/notis kehadiran untuk setiap klien mahkamah. Polis Mahkamah bertugas mengawal sidang mahkamah yang berlangsung. Hakim akan menegur jika pihak-pihak yang membuat bising atau mengganggu kelancaran sidang mahkamah. Jika teguran tidak diindahkan atau diulangi kesalahan yang sama, hakim akan memberikan amaran yang tegas dengan menyatakan tindakan yang akan diambil jika ianya masih berulang. Namun jika masih ingkar, hakim akan mengambil tindakan serta merta dengan memulakan prosiding menghina mahkamah dan hukuman tertentu bakal dijatuhkan berdasarkan pertimbangan hakim terhadap keseriusan kesalahan tersebut atau permohonan maaf yang dibuat oleh pihak yang telah menghina mahkamah.

Sebagaimana yang dikehendaki dalam *siyāsah al-qāḍī*, hakim perlu menasihatkan pihak-pihak menyelesaikan pertikaian mereka secara *ṣulḥ*. Untuk itu, *ṣulḥ* telah diperkenalkan di Mahkamah Syariah mulai tahun 2002 untuk membantu mengurangkan kes-kes yang tertunggak disebabkan pihak-pihak terpaksa melalui proses perbicaraan yang panjang sedangkan ada kemungkinan pihak-pihak dapat menyelesaikannya secara *ṣulḥ*. JKSM telah mengeluarkan arahan amalan supaya kebanyakan kes-kes perlu dirujuk ke *Majlis Ṣulḥ* semasa peringkat pendaftaran kes di Mahkamah Syariah iaitu terdapat 18 jenis tuntutan seperti ganti rugi pertunangan, mutaah, harta sepencarian, nafkah isteri, nafkah anak dan hadanah. Manakala hanya tiga kes yang tidak perlu melalui proses *ṣulḥ* iaitu permohonan perceraian atau pengesahan nasab, kes ex parte atau interim seperti hak penjagaan sementara dan kes yang telah melalui proses pengantaraan di Jabatan Bantuan Guaman Malaysia.

Menurut *siyāsah al-qāḍī* juga, jika hakim ragu-ragu dan tidak pasti dalam membuat keputusan, hakim perlu merujuk dan berbincang dengan para fuqaha' untuk memastikan

penghakimannya adalah benar-benar menepati hukum syarak. Keraguan dan kesamaran yang timbul ada kalanya disebabkan tiadanya peruntukan yang jelas dalam undang-undang atau undang-undang yang ada masih kabur dan perlukan penjelasan. Dalam hal ini, pengeluaran Arahan Amalan merupakan platform terbaik untuk menjelaskan kekaburan yang terdapat dalam peruntukan undang-undang substantif dan prosedural. Dengan Arahan Amalan yang dikeluarkan memudahkan hakim membuat rujukan pada bila-bila masa tanpa memerlukan hakim berbincang dengan para fuqaha' dan pakar-pakar berkaitan yang dilihat dalam konteks semasa pelaksanaannya agak sukar dan tidak praktikal. Malah, kebolehpercayaan terhadap Arahan Amalan tidak perlu diragukan lagi kerana ianya telah dibincangkan, diperhalusi dan dihasilkan oleh sejumlah besar dari kalangan pakar-pakar Syariah.

Selain itu, meskipun prinsip *siyāsah al-qāḍī* membenarkan hakim untuk membatalkan atau mengubah perintah atau hukuman terdahulu yang telah dibuat olehnya jika didapati penghakimannya telah tersilap, namun dalam amalan semasa, hakim ditegah berbuat demikian. Sekiranya mana-mana hakim yang berhasrat untuk mengubah keputusannya tersebut hendaklah memanjangkannya ke mahkamah yang lebih tinggi untuk semakan.

## KESIMPULAN

Kehakiman merupakan satu urusan *siyāsah* bersifat *ijtihādī* dan *mutaghayyirāt* yang sentiasa menerima perubahan dan ijtihad baru berdasarkan *wāqī'* atau realiti semasa serta keperluan sesebuah masyarakat di sesuatu lokaliti. Seseorang hakim perlu sentiasa peka dengan perubahan yang berlaku selain perlu menguasai seni dan kemahiran *siyāsah* yang efektif dalam menjalankan urus tadbir mahkamah dan prosiding mahkamah. Keupayaan hakim dalam melaksanakan *siyāsah al-qāḍī* dalam kerangka *siyāsah shar'iyah* yang berpandukan nas-nas syarak dengan mengambil kira *maṣlahah* dan realiti semasa akan memastikan perjalanan sistem kehakiman

adalah teratur, kemas dan adil. Prinsip-prinsip *siyāsah al-qāḍī* yang dibahaskan oleh fuqaha' dalam kitab-kitab fiqh sebahagian besarnya telahpun diamalkan di Mahkamah Syariah, namun terdapat beberapa perkara yang tidak dilaksanakan disebabkan ianya sudah tidak praktikal lagi dengan realiti dan keperluan semasa. Manakala Arahan Amalan yang dikeluarkan oleh JKSM dari semasa ke semasa menjadi panduan yang berguna kepada hakim ke arah merealisasikan polisi pentadbiran dan amalan kehakiman yang seragam.

## RUJUKAN

- ‘Abd al-‘Āl Aḥmad ‘Aṭwah. (2014). *Al-Madkhal ilā al-Siyāsah al-Shar’iyyah*. Qāhīrah: Dār al-Salām.
- ‘Abd al-Karīm Zaydān. (1998). *Niẓam al-Qaḍā’ fī al-Sharī’ah al-Islāmiyyah*. Bayrūt: Mu’assasah al-Risālah.
- ‘Abd al-Nāṣir Mūsa Abū Baṣal. (2002). *Naẓariyyah al-Ḥukm al-Qaḍā’ī fī al-Sharī’ah wa al-Qānūn*. Jordan: Dār al-Nafā’is.
- Abdul Monir Yaacob. (2015). *Kehakiman Islam dan Mahkamah Syariah*. Cyberjaya: Universiti Islam Malaysia.
- Al-Buhūtī, Maṣṣū’ bin Yūnus bin Idrīs. (1983). *Kashf al-Qina’ ‘an Matn al-Iqnā’*. Bayrūt: ‘Alam al-Kutub.
- Al-Dusūqī, Muḥammad ‘Arafah. (t.t.). *Hāshiyah al-Dusūqī ‘ala Sharh al-Kabīr*. Qāhīrah: Dār Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, t.t, jld. 4.
- Al-Harīrī, Ibrāhīm Muḥammad Maḥmūd. (1999). *Al-Qawā’id wa al-Dawābit al-Fiqhiyyah li Niẓam al-Qaḍā’ fī al-Islām*. ‘Amman: Dār ‘Ammār.
- Al-Karmī, Ḥāfīz Aḥmad ‘Ujāj. (2006). *Al-Idārah fī ‘Asr al-Rasūl*. Qāhīrah: Dār al-Salām.
- Al-Māwardī, Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Baṣrī. (1994). *Al-Hāwi al-Kabīr*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, jld. 16.
- Al-Māwardī, Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Baṣrī. (2006). *Al-Aḥkām al-Sulṭaniyyah*. Qāhīrah: Dār al-Hadith, 2006.
- Al-Nadawī, ‘Alī Aḥmad. (2007). *Al-Qawā’id al-Fiqhiyyah*. Dimasq: Dār al-Qalam.
- Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Yaḥyā ibn Sharaf. (t.t.). *Rawḍah al-Ṭālibīn*. Qāhīrah: Maktabah al-Tawfīqiyyah.
- Al-Qanūjī, Abū Ṭayyib Ṣidīq bin Ḥasan bin ‘Alī al-Ḥusainī al-Bukhārī. (t.t.) *Al-Rawḍah al-Nadiyyah Sharh al-Durar al-Bahiyyah*. Qāhīrah: Dār al-Turāth.
- Al-Samnānī, Abū Qāsīm ‘Alī bin Muḥammad bin Aḥmad al-Raḥbī. (1984). *Rawḍah al-Quḍah wa Ṭarīq al-Nojāh*. Bayrūt: Muassasah al-Risālah, jld. 1.

- Al-Sarakhsī, Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Sahl Abū Bakr. (1989). *Al-Mabsūṭ*. Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, jld. 16.
- Al-Shāmī, 'Abd Allah Muḥammad. (2012). *Niẓam al-Qaḍā' fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*. Bayrūt: al-Maktabah al-'Asriyyah.
- Al-Sharbīnī, Shams al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Khaṭīb. (2006). *Mughnī al-Muḥtāj*. Qāhīrah: Dār al-Hadith, jld. 6.
- Al-Suyūṭī, 'Abd al-Raḥmān bin Kamāl al-Dīn Abī Bakr bin Muḥammad bin Sābiq al-Dīn Jalāluddīn al-Miṣrī. (1998). *Al-Ashbāh wa al-Nazā'ir*. Qāhīrah: Dār al-Salām,
- Al-Ṭarābulisī, 'Alī bin Khālil Abū al-Ḥasān 'Ala al-Dīn. (2019). *Mu'īn al-Ḥukkām*. Qāhīrah: al-Maktabah al-Azhāriyyah li al-Turāth.
- Al-Zarqā, Muṣṭafa Aḥmad. (2001). *Al-Istiṣlāh wa Maṣālih al-Mursalah wa Usūl Fuqaha'*. Dimasq: Dār al-Qalam.
- Arnūs, Maḥmūd bin Muḥammad, Tārikh al-Qaḍā' fī al-Islām. (t.t.). Qāhīrah: al-Matba'ah al-Miṣriyyah.
- Ḥasan Taysir Shammūt. (2006). *Al-'Adālah al-Qaḍā'iyyah wa Taṭbīqātuhu fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*. Jordan: Dār al-Nafā'is.
- Ibn 'Ābidīn, Muḥammad Amīn. (2003). *Radd al-Muhtār 'ala al-Darr al-Mukhtār Sharh Tanwir al-Absār*. Riyāḍ: Dār 'Ālam al-Kutub, 2003, jld. 8.
- Ibn al-Qāṣ, Abū al-'Abbās Aḥmad bin Abī Aḥmad al-Ṭabarī al-Shāfi'ī. (1989). *Adab al-Qāḍī*. Ṭāif: Maktabah al-Siddīq.
- Ibn al-Qayyim, Shams al-Dīn Muḥammad. (2002). *Al-Ṭurūq al-Ḥukmiyyāh fī al-Siyāsah al-Shar'iyyah*. Qāhīrah: Dār al-Hadīth.
- Ibn Farḥūn, Burhānuddīn Ibrāhīm bin 'Ālī bin Abī al-Qāsim ibn Muḥammad ibn Farḥūn al-Māliki al-Madanī. (2005). *Tabṣīrah al-Ḥukkām*. Qāhīrah: al-Maktabah al-Azhāriyyah li al-Turāth, jld. 1.
- Ibn Khaldūn, 'Abd al-Raḥmān ibn Muḥammad al-Ḥadramī. (1998). *Al-Muqaddimah*. Bayrūt: Dar al-Fikr.
- Ibn Manẓūr, Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukarram. (1984). *Lisān al-'Arab*. Iran: Nashr Adab al-Ḥawzah, jld. 6.

- Ibn Muflīḥ, Shams al-Dīn Muḥammad. (2004). *Al-Furu'*. 'Ammān: Bait al-Afkār al-Dawliyyah.
- Ibn Nujaim, Zayn al-Dīn bin Ibrāhīm bin Muhammad. (1997). *Al-Baḥr al-Rā'iq Sharḥ Kanz al-Daqā'iq. Bayrūt: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah*, jld. 6.
- Ibn Taymiyyah, Taqiy al-Dīn Aḥmad bin 'Abd al-Ḥalīm. (1418H). *Al-Siyāsah al-Shar'iyyah*. Riyadh: Wizārah al-Shu'ūn al-Islāmiyyah wa al-Da'wah wa al-Irshād.
- Ismā'īl Kaukasāl. (2000). *Taghayyur al-Aḥkām fī al-Shari'ah al-Islāmiyyah*. Bayrūt: Muassasah al-Risālah.
- Kamus Dewan Bahasa, Edisi Keempat (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mar'ī Yūsūf. (2018). *Dalīl al-Ḥukkām fī al-Wusūl ilā Dār al-Salām*. Jam'iyyah al-'Ilmiyyah al-Sa'ūdiyyah al-Qaḍā'iyyah: Dār al-Tahbīr.
- Muṣṭafa al-Nadawī, 'Abd al-Karīm al-Sayyid al-Badawī Aḥmad Sulaymān. (2015). *Tazkirah al-Qaḍā' wa al-Mustaqḍā'*. Qahīrah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah.
- Muṣṭafa al-Zarqā. (2001). *Sharḥ al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*. Dimasq: Dār al-Qalam.
- Nāṣir bin Muḥammad bin Mashrī al-Ghāmidī. (2007). *Al-Ikhtisās al-Qaḍā'ī fī al-Fiqh al-Islāmī*. Qāhīrah: Maktabah al-Rushd.
- Naṣr Farīd Muḥammad Wāsil. (1403H). *Al-Sulṭah al-Qaḍā'iyyah wa Niẓam al-Qaḍā' fī al-Islām*. Qāhīrah: Al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- Qaitun Fāṭimah. (2013). *Tatawwur Nizam al-Qaḍā' fī al-Ḥadharah al-Islāmiyyah min 'Ahd al-Nabi ila al-'Asr al-'Abbas al-Awwal*. Tesis Sarjana, Jabatan Adab dan Lughah, Universiti Abu Bakar Belkaid.
- Sa'ad bin Muḥammad. (2011). *Qawā'id al-Murāfa'āt al-Shar'iyyah Fiqḥan wa Niẓaman*. <http://www.muswarot.com>.
- Sayyid Bakrī, Abū Bakr bin Muḥammad Shaṭṭa al-Dimyāṭī. (1998). *Hāshiyah l'ānah al-Ṭālibīn*. Bayrūt: Dār al-Fikr, jld. 4.
- Ṭalāfahah, Muḥammad Maḥmūd Aḥmad. (2008). *Qā'idah Taṣarraf al-Imām 'alā al-Ra'iyyah Manūṭ bi al-Maṣlahah*. Riyadh: Maktabah al-Rashd.
- Umāmah 'Alī Muṣṭafā. (2005). *Usūl al-Muḥākamāt Shar'iyyah al-Jazā'iyyah*. Urdūn: Dār al-Nafā'is.

Zafir al-Qāsimī. (1992). *Nizām al-Ḥukm fī al-Sharīah wa al-Tārikh al-Islāmī*. Bayrūt: Dār al-Nafā'is.

## ARAHAN AMALAN

Arahan Amalan No. 1 Tahun 2001

Arahan Amalan No. 1 Tahun 2010

Arahan Amalan No. 1 Tahun 2010

Arahan Amalan No. 1 Tahun 2013

Arahan Amalan No. 1 Tahun 2018

Arahan Amalan No. 10 Tahun 2018

Arahan Amalan No. 10 Tahun 2019

Arahan Amalan No. 11 Tahun 2005

Arahan Amalan No. 14 Tahun 2004

Arahan Amalan No. 14 Tahun 2005

Arahan Amalan No. 15 Tahun 2005

Arahan Amalan No. 16 Tahun 2007

Arahan Amalan No. 2 Tahun 2012

Arahan Amalan No. 3 Tahun 2002

Arahan Amalan No. 3 Tahun 2005

Arahan Amalan No. 4 Tahun 2002

Arahan Amalan No. 4 Tahun 2004

Arahan Amalan No. 4 Tahun 2005

Arahan Amalan No. 4 Tahun 2006

Arahan Amalan No. 4 Tahun 2011

Arahan Amalan No. 4 Tahun 2012

Arahan Amalan No. 5 Tahun 2001

Arahan Amalan No. 5 Tahun 2002

Arahan Amalan No. 5 Tahun 2005

Arahan Amalan No. 5 Tahun 2015.

Arahan Amalan No. 6 Tahun 2013

Arahan Amalan No. 7 Tahun 2002

Arahan Amalan No. 7 Tahun 2003

Arahan Amalan No. 7 Tahun 2015

Arahan Amalan No. 7 Tahun 2019

Arahan Amalan No. 8 Tahun 2012

Arahan Amalan No. 9 Tahun 2003

Arahan Amalan No. 9 Tahun 2011

Arahan Amalan No. 9 Tahun 2015